



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/2 JLD.3 (28)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 11/2020

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan pengumuman yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah dalam pembentangan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2021.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600.00, dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri sebagai insentif untuk menyuntik semangat pegawai awam supaya berusaha lebih gigih demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Bayaran bantuan ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pensen sebanyak RM300.00.

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah seperti berikut:
 - 3.1 Pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*;
 - 3.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 3.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 3.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 3.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

4. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 juga dipanjangkan kepada:
 - 4.1 Pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
 - 4.2 Pegawai Kerajaan Lantikan Vot Terbuka.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

5. Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah:
 - 5.1 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021;
 - 5.2 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021;

- 5.3 Pegawai yang meletakkan jawatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021; dan
- 5.4 Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

7. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

PESARA

8. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 diberikan kepada Pesara Kerajaan yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada Perkhidmatan Awam Negeri apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 25 Januari 2021 akan dibayar sebanyak RM300.00 oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia selaras dengan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia JPA.800-3/2/1(20) bertarikh 14 Disember 2020.

9. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600.00. Pembayaran sebanyak RM300.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bakinya sebanyak RM300.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

10. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM600.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH PEMBAYARAN

11. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini akan dibayar serentak dengan gaji bulan Januari 2021.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

12. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG J.P.]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **31 DEC 2020**

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8,9,10 dan 11, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil